


Sejarah yang berulang



NAMPAKNYA pertikaian antara mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad Jan Perdana Menteri yang memegang kuasa sekarang berhubung beberapa isu utama membabitkan pentadbiran dan keputusan-keputusan pentadbiran kerajaan semakin menarik perhatian umum.

Dr Mahathir yang terkenal dengan sikap vokalnya itu dari sehari ke sehari semakin menyerlahkan rasa ketidakpuasan hatinya secara terbuka. Bermula dengan isu permit import (AP) yang menyaksikan pertembungan terbuka beliau dengan sekutu rapatnya semasa dalam kerajaan, Datuk Seri Rafidah Aziz (yang masih menjawat Menteri Perdagangan Antarabangsa), Dr Mahathir meneruskan serangannya terhadap kerajaan pimpinan Abdullah yang bertindak membatalkan projek mega jambatan indah: projek penuh kontroversi membabitkan pembinaan jambatan berlengkok bagi menggantikan tambak Johor.

Isu pembatalan projek jambatan indah yang menjadi sebahagian komponen Gerbang Selatan tidak reda begitu sahaja. Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC), Dato' Shahril Abdul Samad terjun ke gelanggang dan mempersoalkan tindakan kerajaan yang mengangerahkan pampasan bernilai RM100juta

kepada Gerbang Perdana; syarikat yang diberikan kontrak membina jambatan yang tidak dipersetujui Singapura itu.

Ramai yang menyatakan kerisauan terhadap perkembangan yang berlaku ini khususnya para penyokong kerajaan. Memang benar, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menjawab secara langsung kritikan-kritikan Dr Mahathir. Tetapi reaksi beberapa menteri kabinet yang mempertikaikan kenyataan Dr Mahathir tidak dihalang oleh Abdullah. Malah kerajaan melalui kementerian terbabit dilaporkan menjawab segala persoalan yang dibangkit Dr Mahathir kepada umum. Dalam isu pembatalan projek Jambatan Indah misalnya, Menteri Luar, Dato' Abdul Hamid Albar menyatakan kesediaan kerajaan untuk mendedahkan butiran dan dokumen rundingan Malaysia-Singapura setelah status 'rahsia' dokumen-dokumen berkaitan dilucutkan.

Isu pertikaian antara mantan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri yang memegang kuasa bukanlah sesuatu yang ganjil di negara ini. Pada dekad awal pemerintahan Dr Mahathir, mantan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra menjadi sasaran kritikan kerana didakwa sering mempertikaikan keputusan-keputusan pentadbiran kerajaan. Almarhum Tunku dalam kolom tetapnya di akhbar The Star milik M C A , sering memberikan pandangan yang tidak disenangi oleh Dr Mahathir. Malah tindakan kerajaan mengantung permit akhbar The Star yang agak kontroversi pada waktu itu menggores hati Tunku. Akhbar The Star yang

diterbitkan semula setelah tempoh edah penggantungannya tamat berubah menjadi sebuah akhbar 'penyokong setia' dasar-dasar pentadbiran Mahathir. Apa yang pasti, Tunku tidak dijemput menyambung penulisannya sejak saat itu.

Jika Dr Mahathir kecewa dengan sikap media arus perdana yang didakwa tidak menyiarkan kenyataannya sejak kebelakangan ini, beliau harus menginsafi bahawa itulah nasib yang diterima Tunku di era pentadbirannya (Dr Mahathir) sebagai Perdana Menteri. Malah beliau harus bersyukur kerana masih ada media alternatif seperti laman berita internet, Malaysiakini (yang pernah dan masih tidak disenangi olehnya) sudi menyiarkan pandangan dan kenyataan beliau untuk bacaan umum.

Pepeatah ada menyebut, siapa yang kuat (baca berkuasa) dialah kudrat. Dalam episod pertikaian Dr Mahathir Abdullah ini, tiada siapapun di kalangan sekutu rapat Dr Mahathir dalam pentadbiran kerajaannya dahulu yang bersedia mempertahankan hujah beliau. Mungkin prinsip tanggungjawab bersama (*collective responsibility*) menjadi penghalang kepada menteri-menteri kabinet yang pernah menjadi sekutu rapat Dr Mahathir untuk menyebelahnya. Atau mungkin mereka menjadikan episod-episod sejarah silam sebagai pengajaran.

Ironinya, Dr Mahathir adalah faktor paling penting dalam episod sejarah silam itu. Dan sekarang beliau menuai apa yang telah ditanamnya di sepanjang episod-episod sejarah itu!